

AMP terus berpegang pada prinsip bebas dan tidak berpihak

Akan terus usaha membantu masyarakat Melayu/Islam

Oleh ADLI YASHIR KUCHIT

adli@sph.com.sg

ANGKATAN Karyawan Islam (AMP) semalam menegaskan bahawa ia komited pada prinsip terasnya iaitu bebas dan tidak berpihak.

Pertubuhan itu juga menekankan bahawa ia komited untuk terus bekerjasama dengan semua pihak yang seiringan demi matlamat utama ia ditubuhkan iaitu berkhidmat kepada masyarakat Melayu/Islam.

Pendirian tersebut ditegaskan AMP dalam satu kenyataan yang dikirimkannya kepada media semalam.

Menurut badan tersebut, pihaknya akan meneruskan usaha membantu masyarakat Melayu/Islam, biarpun ia telah mendapat perhatian

media yang tidak wajar menyusuli peletakan jawatan salah seorang anggota lembaga pengarahnya, Encik Mohd Nizam Ismail.

“Sejak ditubuhkan 21 tahun lalu, program-program AMP telah memberi manfaat lebih 275,000 penerima bantuan daripada pelbagai lapisan masyarakat dan kami akan meneruskan usaha ini” kata Lembaga AMP dalam kenyataannya itu.

Di samping program-program yang sedia ada, AMP juga telah melaksanakan beberapa strategi yang dibentangkan semasa perbincangan Konvensyen Nasional Karyawan Islam Singapura ketiga pada 30 Jun tahun lalu.

Sebagai contoh, pada 1 April lalu, AMP telah memulakan program perintis bagi penubuhan Pusat Khidmat Nasihat Hutang.

Program itu dilaksanakan bagi membantu masyarakat menangani masalah hutang masyarakat Melayu/Islam setempat.

Dalam pada itu, AMP juga telah menubuhkan Rangkaian Ekspatriat Islam (MEX).

Unit operasi baru AMP itu menyediakan wadah untuk memanfaatkan kepakaran umat Islam dari seluruh dunia yang bekerja dan bermastautin di Singapura.

AMP juga menambah ia sedang berunding dengan pihak-pihak berkenaan untuk merealisasikan program lain yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat.

“Dalam melaksanakan misinya untuk menjadi pendahulu pemikiran, penyelesaian masalah dan penggerak kemajuan masyarakat, AMP akan terus berpandukan prinsip terasnya iaitu bebas, tidak berpihak dan bekerjasama dengan semua pihak yang seiringan serta menyokong aspirasi kami untuk membina

masyarakat Islam yang dinamik,” kata AMP.

Pengerusi badan itu, Encik Azmoon Ahmad, sebelum ini telah melahirkan rasa kecewa dan sedih dengan pelbagai tuduhan yang dibuat mantan anggota lembaga pengarah badan itu, Encik Nizam.

Encik Azmoon berkata tengkarah itu sepatutnya diselesaikan dengan cara baik.

Isu berkaitan perletakan jawatan Encik Nizam daripada lembaga AMP mendapat perhatian selepas Encik Nizam mendakwa pemerintah mengancam akan menghentikan pembiayaan dana bagi AMP, selepas beliau menyertai bantahan di Hong Lim Park dan menyertai forum yang dianjurkan sayap belia parti pembangkang, Parti Pekerja (WP).

Beliau juga mendakwa AMP telah memintanya mengurangkan penglibatan dalam kegiatan aktivis selepas menerima “bisikan” daripada dua menteri.

Menerusi blognya, Ecnik Nizam turut mendedahkan perbincangan belakang tabir bersama Encik Azmoon serta butir-butir mesyuarat bersama anggota lembaga AMP.

Berhubung isu dana bagi AMP, pemerintah telah menekankan sokongan kepada AMP akan diteruskan dengan syarat AMP meneruskan usaha meningkatkan taraf hidup masyarakat Melayu setempat.

Namun, sokongan itu akan dihentikan sekiranya AMP – atau mana-mana badan bukan pemerintah (NGO) – membiarkan dirinya diperalatkan bagi kepentingan politik mana-mana kumpulan atau individu.

Ia juga menegaskan bahawa Encik Nizam berhak meneruskan kegiatan politiknya tetapi tidak seharusnya menggunakan atau berselindung di balik AMP untuk memperjuangkan politik berdasarkan kaum.

Setiausaha Akhbar Pemangku Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia Encik Ho Ka Wei, berkata:

“Peraturannya adalah saksama untuk semua.

“Pemerintah menyokong banyak NGO dan pertubuhan kebajikan sukarela (VVO). Anggota Parlimen (AP) Pemerintah yang berkhidmat dengan mereka, atau sesiapa pun, mesti jelas bahawa peranan mereka ialah untuk membantu mencapai matlamat tertentu baik dari segi sosial, budaya atau pendidikan, dan tidak memperalatkan badan-badan itu bagi merealisasikan tujuan politik mereka.

“Pemerintah telah menyokong AMP selama 25 tahun. Sokongan itu akan diteruskan selagi AMP kekal fokus dalam usaha meningkatkan taraf hidup masyarakat Melayu setempat.

“Namun sokongan Pemerintah ke atas AMP – atau NGO yang lain – akan dihentikan sekiranya ia membiarkan dirinya diperalatkan bagi kepentingan politik mana-mana kumpulan atau individu.”